



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SUMBER DAN PENGALIRAN MAKLUMAT LATIHAN
DIKALANGAN JURULATIH PERTANIAN DI PROVINSI
JAWA BARAT INDONESIA**

AZHAR MASRY MECY HASAN

FBMK 2002 1

**SUMBER DAN PENGALIRAN MAKLUMAT LATIHAN
DIKALANGAN JURULATIH PERTANIAN DI PROVINSI
JAWA BARAT INDONESIA**

AZHAR MASRY MECY HASAN

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2002**



**SUMBER DAN PENGALIRAN MAKLUMAT LATIHAN DIKALANGAN
JURULATIH PERTANIAN DI PROVINSI JAWA BARAT INDONESIA**

Oleh

AZHAR MASRY MECY HASAN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sains**

April 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**SUMBER DAN PENGALIRAN MAKLUMAT LATIHAN DIKALANGAN
JURULATIH PERTANIAN DI PROVINSI JAWA BARAT INDONESIA**

Oleh

AZHAR MASRY MECY HASAN

April 2002

Pengerusi : Prof Madya. Md. Salleh bin Hj. Hassan, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji sumber dan pengaliran maklumat dalam sistem komunikasi organisasi kepada jurulatih di Balai-Balai Pendidikan dan Latihan (Diklat) Pertanian Provinsi Jawa Barat Indonesia. Kajian telah mengkaji aliran komunikasi dalam organisasi, kekerapan dalam menerima maklumat dan mengenal pasti media yang paling kerap dipergunakan dalam menerima maklumat. Kajian ini juga telah mengkaji perkaitan antra demografik terpilih (umur, lama berkhidmat dan pangkat) dengan jumlah maklumat dari pelbagai sumber.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa maklumat yang paling banyak diterima jurulatih adalah maklumat yang bersumber daripada pihak atasan dan kawan



sepejabat. Saluran yang paling kerap digunakan ialah melalui komunikasi bersemuka. Walau bagaimanapun aliran maklumat kepada jurulatih kerap terhalang oleh birokrasi dan struktur organisasi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan antara ciri demografik terpilih (umur, lama berkhidmat dan pangkat) dengan jumlah maklumat dari pelbagai sumber, kecuali maklumat yang bersumber daripada BPSDMP didapati perkaitan positif, dan maklumat yang bersumber daripada Lembaga Swadaya Masyarakat (LSM) atau Non Government Organization (NGO) didapati perkaitan negatif.

Sistem komunikasi dalam organisasi BPSDMP banyak dipengaruhi oleh sistem kerajaan yang bersifat otoriter (authoritarian), maka sistem komunikasinya menjadi komunikasi sehalu.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia as partial fulfilment of requirement for the Degree of Master of Science.

**SOURCES AND FLOW OF TRAINING INFORMATION TO THE
AGRICULTURAL TRAINING SPECIALISTS IN WESTERN JAVA
PROVINCE INDONESIA**

By

AZHAR MASRY MECY HASAN

April 2002

Chairman : Assoc. Prof. Md. Salleh bin Hj Hassan, Ph.D.

Faculty : Modern Languages and Communication.

The purpose of this study is to find out the sources and flow of training information in organizational communication system to agricultural training specialists at the Agricultural In-Service Training Centers (AITCs) in Western Java Province Indonesia. This study had looked at the quantity and channel of information in acquiring the information that they need.

Findings showed that agricultural training specialists depended heavily on interpersonal channel for training information that they need such as their superior and colleagues. The main channel of communication that have been used was face to face.



The finding of the relationship between demographic variables (age, occupation and government employee classify) and information quantity are not significant, except the AAHRE and NGO information.

The other findings also showed that the communication system is one-way communication.

PENGHARGAAN

Rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan kurunia Nya sehingga selesai saya menyiapkan tesis ini. Pengkaji mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya. Md. Salleh bin Hj. Hassan, Ph.D selaku penasihat dan pengerusi jawatankuasa penyelia tesis dan juga penghargaan kepada. En. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad dan En. Ishak Abd Hamid selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis atas kesungguhan dan kesabaran beliau membimbing, menasihati dan memberi tunjuk ajar atau mendidik pengkaji sehingga kajian ini berjaya.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Ezhar Tamam selaku Ketua Jabatan Komunikasi dan kepada semua Pensyarah dan Kakitangan di Jabatan Komunikasi yang begitu membantu dengan penuh dedikasi tinggi menyumbangkan ilmu pengetahuan komunikasi kepada saya.

Rasa hormat dan terima kasih saya ucapkan kepada Bapak Ketua Pusat Pengembangan Petugas Pertanian, dan rakan-rakan di Badan Pengembangan Sumber Daya Manusia Pertanian (BPSDMP), di Kementerian Pertanian, Republik Indonesia yang telah mendorong saya untuk maju dan juga tidak lupa kepada Bapak Adik Bantarso dan Pak Suprpto- pada Bahagian Kerjasama Teknik Antar Negara



Berkembang (KTNB) Sekretariat Kabinet Republik Indonesia yang telah memberikan bantuan kewangan dan semangat kepada saya selama menuntut ilmu di Malaysia.

Saya tidak lupa pula berterima kasih kepada: Haji Mahmud Morshidi Othman- Pengurus Besar Warisan Baiduri Sdn. Bhd. yang telah membantu biaya untuk menyelesaikan tesis ini dan Bapak Lim Swe Tin – Pensyarah Jabatan Bahasa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang sudi membetulkan struktur bahasa melayu tesis ini.

Ribuan terima kasih saya sampaikan kepada rakan-rakan seperjuangan di Jabatan Komunikasi yang telah selalu memberikan semangat juang kepada saya untuk terus berjaya. Terima kasih juga kepada kakitangan dan pegawai-pegawai daripada Balai-Balai Pendidikan dan Latihan (Diklat) Pertanian lingkup Badan Pengembangan Sumber Daya Manusia Pertanian di Provinsi Jawa Barat Indonesia, khususnya kepada jurulatih pertanian di Jawa Barat sudi menjadi responden dalam membuat kajian saya.

Akhir sekali, kepada isteriku Nyonya Surti Ismirantiningih Azhar, anakku Arsyah Rizkiana Azhar dan Arman Deskiharto Azhar, serta kakak-kakakku dan keluarga yang tercinta di tanah air yang sedang menanti kejayaan saya untuk memperoleh Master Sains Komunikasi.



Bantuan dan pengorbanan yang telah dicurahkan kepada saya oleh berbagai-bagai pihak yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu dalam tesis ini, telah pula membantu dalam kajian ini, semoga mendapat ganjaran yang setimpal oleh Allah SWT. Amin Yarabbilalamin.




Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksaan bagi Azhar Masry Mecy Hasan telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 5hb. April 2002 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Sumber dan Pengaliran Maklumat Latihan Dikalangan Jurulatih Pertanian di Provinsi Jawa Barat Indonesia: Satu Kajian Kes” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksaan adalah seperti berikut:

Musa Abu Hassan, Ph.D
Profesor Madya
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Md. Salleh Hassan, Ph.D
Profesor Madya
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

En. Ishak Abd. Hamid
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

En. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)


SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI, Ph.D.
Profesor / Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah.
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh : 17 MAI 2002

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Master Sains.




AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh: **13 JUN 2002**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau Institusi-institusi lain.



Azhar Masry Meczy Hasan

Tarikh : 17 MAY 2002

KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK.....	i
ABSTRACT.....	iii
PENGHARGAAN.....	viii
PENGESAHAN.....	ix
PENGAKUAN.....	xi
SENARAI JADUAL.....	xv
SENARAI RAJAH	xvi

BAB.

1. PENGENALAN.....	1
Latar Belakang Kajian.....	1
Jurulatih (Widyaiswara)	2
Badan Pengembangan Sumber Daya Manusia Pertanian (BPSDMP)	5
Pusat Pengembangan Petugas Pertanian	9
Provinsi Jawa Barat Indonesia.....	10
Kenyataan Masalah.....	12
Objektif Kajian.....	13
Objektif Am Kajian.....	13
Objektif Khusus Kajian.....	13
Kepentingan Kajian.....	14
Limitasi Kajian.....	15
2. SOROTAN BAHAN BERTULIS.....	17
Makna Komunikasi	18
Kepentingan Komunikasi Dalam Organisasi.....	22
Komunikasi Pembangunan.....	28
Komunikasi Pembangunan dan Komunikasi Penolong Pembangunan.....	28
Komunikasi Pembangunan di Indonesia.....	30
Penyebaran Mesej Pembangunan di Indonesia.....	33



Aliran Maklumat Dalam Organisasi.....	35
Pola Pengaliran Maklumat.....	38
Jaringan Komunikasi dalam Organisasi.....	49
Keperluan Maklumat Jurulatih	54
Teori Maklumat.....	54
Teori Keperluan Maklumat.....	55
Rangka Konsep Kajian.....	67
Hipotesis Kajian.....	68
3 METODOLOGI KAJIAN	71
Lokasi Kajian	71
Populasi Responden dan Sampel.....	72
Reka bentuk Kajian.....	75
Proses Pengumpulan Data.....	74
Reka Bentuk Soal Selidik	74
Wawancara.....	78
Pra Uji Kajian.....	78
Prosedur Pengumpulan Data.....	79
Analisis Data.....	82
4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN.....	84
Latar Belakang Responden.....	84
Lokasi Responden.....	84
Jantina, Umur, dan Status Perkahwinan.....	85
Lama Berkhidmat	88
Darjah Pendidikan dan Golongan Pangkat.....	89
Sumber, Kuantiti, dan Saluran (Media) Maklumat.....	91
Aspek-aspek Yang Berhubungkait dengan Pekerjaan.....	95
Aspek-aspek Negatif Komunikasi di Pejabat.....	99
Aspek-aspek Positif Komunikasi di Pejabat (Cadangan Responden).	102
Perkaitan Antara Umur Responden dengan Jumlah maklumat.....	105
Perkaitan Antara Lama Berkhidmat dengan Jumlah maklumat.....	107
Perkaitan Antara Golongan Pangkat dengan Jumlah maklumat.....	109
Kumpulan Hasil Wawancara.....	111
5. RUMUSAN DAN CADANGAN.....	113
Rumusan Hasil Kajian.....	113
Kenyataan Masalah.....	113
Objektif Kajian	114
Hipotesis Kajian.....	115
Ringkasan Hasil Kajian.....	118
Latar Belakang Responden.....	118
Sumber, Kuantiti dan Saluran (Media) Maklumat.....	119
Aspek- Aspek Perkaitan Dengan Pekerjaan, Negatif, Positif	

Komunikasi (cadangan responden).....	119
Perkaitan Antara Umur, Lama Berkhidmat dan Golongan Pangkat Dengan Jumlah Maklumat Dari Pelbagai Sumber..	120
Jawapan Hasil Kajian Kepada Objektif Kajian.....	120
Kesimpulan Hasil Kajian.....	121
Implikasi Kajian.....	123
Implikasi Kepada BPSDMP Pertanian.....	123
Implikasi Kepada Masyarakat Pertanian Indonesia.....	124
Implikasi Kepada Pembangunan Indonesia.....	125
Cadangan Kajian.....	126
Cadangan Kajian Akan Datang.....	128
BIBLIOGRAFI.....	129
LAMPIRAN.....	133
Lampiran 1. Borang Soal Selidik.....	132
Lampiran 2. Peta Penyebaran Unit Pelaksana Teknis (UPT) Diklat Pertanian di Indonesia.....	138
Lampiran 3. Peta Provinsi Jawa Barat.....	139
Lampiran 4. Struktur Organisasi Kementerian Pertanian Indonesia.....	140
Lampiran 5. Struktur Organisasi Pusat Pengembangan Petugas Pertanian, BPSDMP.....	141
Lampiran 6. Peta Penyebaran Unit Pelaksana Teknis (UPT) Diklat Pertanian di Pulau Jawa.....	142
Lampiran 7. Daftar Perkembangan Widyaiswara (Jurulatih) Departemen Pertanian.....	143
VITA.....	145



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1. Lokasi Responden.....	85
2. Jantina, Umur, dan Status Perkahwinan.....	86
3. Lama Berkhidmat.....	88
4. Darjah Pendidikan dan Golongan Pangkat.....	90
5. Sumber, Kuantiti dan Saluran (media) Maklumat	92
6. Aspek-Aspek yang Berhubungkait dengan Pekerjaan,	95
7. Aspek-Aspek Negatif dalam Komunikasi di Pejabat	100
8. Aspek-Aspek Positif Komunikasi di Pejabat (Cadangan Responden).....	103
9. Perkaitan Antara Umur Dengan Jumlah Maklumat.....	107
10. Perkaitan Antara Lama Berkhidmat Dengan Jumlah Maklumat ...	109
11. Perkaitan Antara Golongan Pangkat Dengan Jumlah Maklumat...	110

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1. Struktur Agensi BPSDMP Pertanian	14
2. Pola Pengiriman Maklumat.....	39
3. Hubungan Komunikasi Formal, Informal dan Non formal.....	41
4. Aliran Maklumat Latihan mengikut Struktur Organisasi.....	45
5. Aliran Maklumat kepada Jurulatih.....	47
6. Komunikasi Horizontal.....	48
7. Komunikasi Diagonal.....	49
8. Aliran Maklumat mengikut Jaringan Rantai.....	50
9. Aliran Maklumat mengikut Jaringan Lingkaran.....	50
10. Aliran Maklumat mengikut Jaringan Kerja Bintang.....	51

BAB. I

Bab ini akan membentangkan latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian dan limitasi kajian.

Latar Belakang Kajian

Perubahan yang begitu cepat telah berlaku dalam kehidupan kita. Masa hadapan tidaklah akan sama dengan masa yang lepas. Kita telah dan sedang melihat betapa cepatnya kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi (IPTEK) berkembang sehingga dunia seolah-olah tidak ada sempadannya.

Dunia sedang mengalami ledakan maklumat yang begitu pesat dan belum pernah dialami sebelum ini. Perkembangan teknologi baru dalam penyimpanan dan capaian maklumat, membolehkan maklumat diperolehi dalam waktu yang singkat dan jumlah yang berlipat ganda dibandingkan dengan dua puluh tahun yang lampau. Melalui sistem capaian maklumat atas talian, maklumat boleh diperolehi dari merata dunia tanpa sekatan, seolah-olah tidak ada sepadan antara sebuah negara dengan negara lain. Inilah konsep yang ditakrifkan oleh Kenichi (1994) sebagai 'the borderless world'.

Sekarang, kita hidup dalam zaman kejutan maklumat dan kita semua terdedah kepada komunikasi segera. Komputer boleh membantu kita membaca sebarang buku yang tersimpan di perpustakaan besar dengan serta merta. Mesin pemrosesan perkataan boleh membuat ulangkaji set taip buku dalam masa kurang sepuluh minit,

dan dalam masa satu minit sahaja kita boleh bercakap melalui telefon hampir ke mana-mana bahagian dunia. tanpa kita meninggalkan ruang tetamu kita (Goldhaber, 1992).

Jurulatih (Widyaiswara)

Jurulatih, atau dalam Bahasa Indonesia Moden 'Widyaiswara', bermula daripada kata Widya yang bererti "Ilmu" dan Swara iaitu yang bermakna "suara atau bunyi", (Hasan Shadily, 1995). Jadi, makna sebenar daripada Widyaiswara iaitu "Orang yang menyuarakan ilmu atau menyampaikan ilmu kepada masyarakat" atau lebih kita kenal dalam Bahasa Melayu sebagai "Jurulatih". Jurulatih di Indonesia adalah pegawai kerajaan yang diberi tugas mendidik, mengajar dan atau melatih, secara tersusun kepada masyarakat pertanian melalui lembaga atau institusi pendidikan dan latihan. Jawatan jurulatih adalah sebagai jawatan fungsional atau sama dengan status jawatan pensyarah pada institusi pendidikan, atau seperti pensyarah pada sesebuah universiti di Indonesia (Soedradjat Martaamidjaja, 1996).

Jawatan jurulatih sebagaimana termaktub di atas dari jawatan yang paling rendah (Asisten Widyaiswara Muda) hingga kepada jawatan yang paling tinggi (Widyaiswara Utama) dan golongan pangkatnya dapat dilihat pada senarai dibawah ini

- a. Asisten Widyaiswara Muda dengan Golongan pangkat II/a
- b. Asisten Widyaiswara Madya dengan Golongan pangkat II/b
- c. Asisten Widyaiswara dengan Golongan pangkat II/c

- d. Ajun Widyaiswara Muda dengan Golongan pangkat II/d
- e. Ajun Widyaiswara Madya dengan Golongan pangkat III/a
- f. Ajun Widyaiswara dengan Golongan pangkat III/b
- g. Widyaiswara Pratama dengan Golongan pangkat III/c
- h. Widyaiswara Muda dengan Golongan pangkat III/d
- i. Widyaiswara Madya dengan Golongan pangkat IV/a
- j. Widyaiswara Utama Pratama dengan Golongan pangkat IV/b
- k. Widyaiswara Utama Muda dengan Golongan pangkat IV/c
- l. Widyaiswara Utama Madya dengan golongan pangkat IV/d
- m. Widyaiswara Utama dengan golongan pangkat IV/e

Selain daripada tugas utama mendidik, mengajar dan atau melatih secara penuh, ada beberapa tugas lainnya sesuai dengan jawatan yang dimiliki mereka, sebagai contoh tugas utama jurulatih (Widyaiswara Utama Pratama, Widyaiswara Utama Muda, Widyaiswara Utama Madya dan Widyaiswara Utama dengan golongan pangkat IV-a sampai IV-e) adalah :

- mendidik mengajar dan atau melatih peserta latihan pada bidang khas,
- menyusun kurikulum latihan,
- mengadakan evaluasi,
- membimbing dan membina jurulatih dengan pangkat yang lebih rendah daripadanya,
- mengembangkan kaedah pendidikan dan latihan,

- menyusun plan dan program aktiviti pendidikan dan latihan, serta.
- melakukan aktiviti kajian dan pengembangan pendidikan dan latihan.

Faktor-faktor yang akan dinilai dalam memberikan angka kredit (angka pencapaian prestasi kerja) kepada jurulatih terdiri daripada:

- darjah pendidikan,
- aktiviti pendidikan, pengajaran dan latihan yang dimiliki selama ini,
- aktiviti membuat kajian dan pengembangan pendidikan dan latihan,
- aktiviti-aktiviti dengan masyarakat persekitaran.
- mempunyai aktiviti yang berkait dengan aktiviti ilmiah, dan
- maklum balas daripada masyarakat terhadap hasil kajian yang telah dibuat.

(Sudradjat Martaamidjaja, 1996)

Jurulatih dalam melaksanakan tugasnya sangat memerlukan maklumat latihan untuk meningkatkan mutu kerja mereka. Maklumat latihan ini diproses dan diubahsuai menurut keperluan, seterusnya disampaikan dalam mendidik, mengajar dan melatih, seperti dalam memberikan kuliah, ceramah ilmiah, pidato, diskusi ilmiah dan lainnya. Aktiviti-aktiviti tersebut, dapat dikira sebagai jumlah angka kredit (angka pencapaian prestasi kerja) bagi menaikkan pangkat dan jawatan jurulatih kepada pangkat yang lebih tinggi. Kalau seorang jurulatih tidak mampu mengumpulkan angka kredit, menurut ketentuan yang berlaku dalam masa empat tahun, maka seorang jurulatih itu akan dikembalikan sebagai pegawai biasa. Mereka tidak lagi mendapatkan kemudahan

yang sama dengan jurulatih, seperti kenaikan pangkat istimewa serta wang khas jawatan.

Oleh sebab itu, dalam menyokong aktiviti jurulatih sangat berhubung kait dengan maklumat latihan dan saluran maklumat. Maklumat ini diperlukan, kerana dengan maklumat mereka dapat membuat kajian, bahan pengajaran dan latihan kepada peserta latihan.

Badan Pengembangan Sumber Daya Manusia Pertanian (BPSDMP)

BPSDMP merupakan institusi pendidikan dan latihan. Sebagai sebuah institusi kerajaan Indonesia, di bawah Kementerian Pertanian Republik Indonesia setaraf dengan Direktorat Jenderal, adalah sebagai induk daripada Balai-Balai Pendidikan dan Latihan (Balai Diklat) Pertanian di Indonesia dan termasuk Balai Diklat Pertanian Provinsi Jawa Barat. Agensi ini, mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menjayakan Program Pertanian Nasional dalam membina dan mengembangkan sumber manusia pertanian di Indonesia. Dan ini diperlukan dalam mempertahankan dan menjaga keperluan bahan makanan (food security) untuk rakyat Indonesia dalam jangka masa panjang (Muhammad Prakoso, 2000).

Agensi BPSDMP Pertanian, ditubuhkan dan dikuatkuasakan berasaskan Keputusan Presiden Republik Indonesia tahun 1998.



Agensi BPSDMP mempunyai Unit Pelaksana Teknis (UPT) Pendidikan dan Latihan Pertanian di Indonesia sebanyak 26 Jabatan/Balai Latihan Pegawai Pertanian/BLPP (Agricultural In-Service Training Center), satu Balai Penataran dan Latihan Pertanian/BPLP (Agricultural Training and Aims Center), satu Balai Penataran dan Pendidikan Fungsional Pertanian/BPPFP (Agricultural Education and Training Functionaries Center), 198 Sekolah Pembangunan Pertanian/SPP (Agricultural School Development), enam Institusi Penyuluh Pertanian /APP (Agricultural Extension Institution) dan satu Balai Metodologi Informasi Pertanian /BMIP (Agricultural Information Methodology Center) lihat Peta Penyebaran Unit Pelaksana Teknis (UPT) Diklat Pertanian dalam lampiran 2.

Agensi BPSDMP, mempunyai seramai 503 orang jurulatih dan seramai 3472 orang kakitangan bukan jurulatih yang tersebar di wilayah Indonesia. Jumlah ini amat besar, tambahan pula mempunyai lapisan jawatan dan menjadikan Balai-Balai Latihan Pertanian dalam aliran maklumat begitu kompleks.

Agensi BPSDMP mempunyai lima pusat atau biro dan satu sekretariat agensi, iaitu:

1. Pusat Pengkajian Sumber Manusia Pertanian (Bureau of Agricultural Human Resources Methodology).

2. Pusat Pengembangan Lembaga Pertanian (Bureau of Agricultural Institution Development) .
 3. Pusat Pengembangan Penyuluhan Pertanian (Bureau of Agricultural Extension Development).
 4. Pusat Pengembangan Petugas Pertanian (Bureau of Agricultural Personnel Development).
 5. Pusat Pengembangan Pendidikan Pertanian (Bureau of Agricultural Education Development)
 6. Sekretariat Badan (Secretariate Agency).
- (lihat Rajah 1. Struktur Organisasi BPSDMP).

Dalam menjalankan aktiviti Agensi BPSDMP perlu membuat berbagai-bagai peraturan sebagaimana peraturan itu wujud kepada organisasi besar lainnya dalam kerajaan Indonesia dan luar negara, terutama peraturan mengenai latihan pegawai, peraturan kewangan, peraturan latihan petani, peraturan penyuluhan (extension workers regulation) dan lain-lain. Segala bentuk peraturan ini perlu dimaklumkan kepada seluruh pegawai dan kakitangan di Kementrian Pertanian yang ada di ibu pejabat dan pejabat daerah.

Untuk memaklumkan peraturan-peraturan berkenaan perlulah suatu sistem komunikasi yang mantap seperti penggunaan media komunikasi terkini dan berkesan.